



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

# E-BULETIN ACIS UITM CPP

**LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU**

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI  
2024**






# **WAKAF ILMU**



# HEDONISME

Penulis: Prof. Madya Dr. Halipah Hamzah  
Pensyarah Kanan ACIS UiTM CPP



**Hedonisme adalah fahaman yang menekankan bahawa keseronokan dan kepuasan diri adalah matlamat utama dalam hidup.**

Dalam konteks ini, keseronokan hedonisme merujuk kepada pencarian kebahagiaan melalui aktiviti yang memberikan kepuasan segera dan melibatkan kebendaan, seperti membeli barangan mewah, berhibur di kelab malam, berjudi, berpelesen, melepak, penyalahgunaan dadah, dan seumpamanya.

Hedonisme sering dikritik kerana boleh membawa kepada gaya hidup yang berlebihan dan tidak seimbang. Ia juga boleh mengakibatkan kesan negatif seperti kemerosotan moral di mana mengutamakan keseronokan boleh menyebabkan seseorang mengabaikan nilai-nilai moral dan etika.

Hedonisme juga menyebabkan kepincangan sosial dengan peningkatan dalam jenayah, kemalasan, dan pengangguran kerana individu lebih fokus kepada keseronokan daripada terlibat dengan tanggungjawab sosial.

Implikasi hedonisme antaranya termasuklah menimbulkan masalah kewangan. Corak penggunaan yang berlebihan boleh menyebabkan tekanan kewangan dan pengumpulan hutang.

Hedonisme yang berlebihan boleh mengganggu perhubungan sosial dan menyebabkan pengasingan. Kepenggunaan yang didorong oleh hedonisme boleh merosakkan alam sekitar melalui penggunaan sumber yang berlebihan. Budaya hedonisme juga boleh menyebabkan kemalasan dan peningkatan pengangguran.

Penglibatan umat manusia dengan fenomena hedonisme mengakibatkan pelbagai masalah, jenayah, dan penyakit sosial yang boleh membawa kepada kemusnahan. Semua anggota masyarakat berperanan untuk menangani gejala hedonisme ini.

Meskipun sebelum Islam, bangsa Arab jahiliyah sangat menyukai orang yang mempunyai sifat kemurahan hati. Mereka menghormati tamu dengan menyembelih ternak mereka.

Namun, Rasulullah SAW berjaya mengatasi semua itu dengan kemurahan hatinya yang unggul.

Kemurahan hati tidak hanya berlaku dalam hal kebendaan, tetapi juga dalam meluangkan masa, memberikan perhatian, mengerah tenaga, berkongsi ilmu, memberi sokongan emosi dan seumpamanya kepada sesama manusia.

Kemurahan hati tidak hanya berlaku dalam hal kebendaan, tetapi juga dalam meluangkan masa, memberikan perhatian, mengerah tenaga, berkongsi ilmu, memberi sokongan emosi dan seumpamanya kepada sesama manusia.





اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لَوْ كُنْ اِمَّاْرًا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.